

Kajian Greenpeace menemui mikroplastik dalam makanan bayi Nestlé dan Danone dalam pembungkusan pek plastik, mencetuskan kebimbangan terhadap jutaan bayi

Kuala Lumpur, 21 Mei 2026 – Kajian baharu yang ditugaskan oleh Greenpeace International telah menemui mikroplastik dalam makanan bayi yang dijual dalam pembungkusan pek plastik oleh dua syarikat makanan terbesar dunia, Nestlé dan Danone menimbulkan kebimbangan mendesak terhadap keselamatan produk yang dipasarkan untuk bayi.

Kajian yang bertajuk *Tiny Plastics, Big Problem: The Hidden Risks of Plastic Pouches for Baby Food* memperincikan ujian makmal terhadap jenama makanan bayi popular, Gerber milik Nestlé dan Happy Baby Organics milik Danone, di mana zarah-zarah mikroplastik ditemui dalam setiap sampel yang dianalisis. Ujian yang dijalankan turut menunjukkan kehadiran pelbagai bahan kimia dalam kedua-dua pembungkusan dan makanan tersebut. [1] Penemuan ini juga menunjukkan bahawa pembungkusan pek plastik itu sendiri mungkin menjadi sumber pencemaran serta berpotensi mendedahkan bayi kepada ribuan serpihan plastik mikroskopik setiap kali makanan daripada pek tersebut dimakan.

Antara penemuan utama kajian ialah:

- Bagi setiap gram makanan bayi yang diuji, penyelidik menemui sehingga **54 zarah mikroplastik** dalam pouch Gerber dan **sehingga 99 zarah** dalam pouch Happy Baby Organics secara purata. Ini bersamaan sebanyak 270 (Gerber) dan 495 (Happy Baby Organics) mikroplastik bagi setiap hidangan sudu teh.
- Kajian ini menganggarkan **lebih daripada 5,000 mikroplastik** dalam setiap pouch Gerber dan **lebih daripada 11,000 zarah** dijumpai dalam setiap pouch Happy Baby Organics.
- Kajian ini turut mengenal pasti pelbagai bahan kimia berkaitan plastik yang hadir dalam pembungkusan dan makanan, termasuk kehadiran bahan yang **berpotensi mengganggu sistem endokrin** dalam sampel Gerber yang diuji.
- Kajian tersebut mencadangkan terdapat kaitan antara polietilena, iaitu plastik yang melapisi bahagian dalam pek tersebut, dengan sebahagian mikroplastik yang ditemui dalam makanan bayi yang diuji.

Pembungkusan pek plastik atau jenis *squeeze pouch* kini dengan pantas menjadi format pembungkusan utama makanan bayi di seluruh dunia serta didorong oleh pemasaran agresif dan kekurangan pilihan alternatif. Ia merupakan jenis pembungkusan yang paling pesat berkembang [2] dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 8.18% sehingga tahun 2031, serta merangkumi 37.15% pasaran global pada tahun 2025 mengikut jumlah penggunaan, melebihi semua bentuk pembungkusan lain termasuk balang kaca tradisional. Hari ini, jutaan pek sekali guna ini dibeli setiap hari yang bermakna jutaan bayi mungkin menelan mikroplastik bersama makanan mereka. Bayi mungkin lebih terdedah kepada kesan pendedahan sedemikian kerana organ mereka masih berkembang dan pengambilan makanan mereka lebih tinggi berbanding berat badan.

Graham Forbes, Ketua Kempen Plastik Global Greenpeace USA berkata:

“Kajian ini merupakan satu amaran besar kepada ibu bapa di seluruh dunia yang mempercayai jenama-jenama ini untuk mengutamakan kesihatan anak mereka. Syarikat yang bergantung kepada plastik seperti Nestlé dan Danone perlu memberikan jawapan yang jelas kepada pihak keluarga: apakah tindakan mereka untuk menghapuskan mikroplastik dan bahan kimia daripada produk yang dijual kepada bayi? Pencemaran plastik bukan sahaja merosakkan alam sekitar kita, malah ia kini memasuki tubuh badan manusia sejak usia bayi lagi. Cara makanan kita dibungkus direka untuk keuntungan, bukan untuk kesihatan manusia. Mengurangkan pengeluaran plastik dan menghapuskan bahan kimia berbahaya adalah penting untuk melindungi kesihatan manusia, khususnya kesihatan kanak-kanak.”

Dunxin Weng, Jurukempen Sisa Sifar Greenpeace Malaysia berkata:

“Ibu bapa tidak sepatutnya perlu risau bahawa pembungkusan makanan harian boleh mendedahkan bayi dan kanak-kanak kecil kepada mikroplastik serta bahan kimia yang berpotensi berbahaya. Ketika produk makanan berbungkus plastik semakin menjadi kebiasaan di Malaysia dan rantau ini, terdapat keperluan yang semakin mendesak untuk ketelusan yang lebih tinggi, pilihan alternatif pembungkusan yang lebih selamat, serta tanggungjawab korporat yang lebih kukuh demi melindungi kesihatan awam.”

Di Malaysia dan seluruh Asia Tenggara, pembungkusan plastik fleksibel dan produk berasaskan pek sekali guna masih digunakan secara meluas disebabkan faktor kemudahan dan kemampuan harga, turut menyumbang kepada kebimbangan yang semakin meningkat terhadap pencemaran plastik dan pendedahan harian manusia kepada mikroplastik. Satu kajian terdahulu yang diterbitkan oleh jurnal *Environmental Science & Technology* pada tahun 2024 turut mendapati bahawa rakyat Malaysia secara purata mengambil **502.3mg mikroplastik setiap hari** per kapita, sekali gus menonjolkan kebimbangan lebih luas terhadap kehadiran plastik dalam kehidupan seharian. [3]

Trend ini merupakan sebahagian daripada peningkatan besar dalam pengeluaran dan penggunaan plastik global, yang sebahagian besarnya didorong oleh syarikat barangan pengguna utama. Pembungkusan sahaja menyumbang kira-kira 40% daripada pengeluaran plastik global. Salah satu segmen yang paling pesat berkembang ialah plastik fleksibel berlapis seperti pek makanan bayi dan sachet, yang amat sukar dikitar semula serta menjadi sumber utama pencemaran di banyak rantau.

Nestlé dan Danone juga berulang kali disenaraikan antara pencemar plastik terbesar dunia dalam audit jenama global yang dijalankan oleh gerakan *Break Free From Plastic*.

Secara global, Greenpeace justeru menyeru Nestlé, Danone, dan semua pengeluar makanan bayi untuk segera menyiasat produk-produk mereka, membuktikan bahawa mereka tidak meletakkan kanak-kanak kecil dalam risiko pendedahan, serta komited untuk menghentikan penggunaan pembungkusan plastik dan beralih kepada alternatif guna semula yang bebas toksik dan bebas plastik. Negara-negara yang sedang berunding juga perlu bertindak segera untuk mengurangkan pengeluaran plastik dan menamatkan pencemaran plastik serta bahan kimia yang tidak dikawal selia yang mengancam kesihatan manusia.

- TAMAT -

Foto boleh dijumpai [sini](#) ©Greenpeace

Nota:

[1] Kajian ini dijalankan oleh SINTEF Ocean di Norway pada tahun 2025 dan ditugaskan oleh Greenpeace International. Kajian tersebut menguji tiga pouch bagi setiap dua produk makanan bayi, iaitu puri yogurt jenama Gerber milik Nestlé dan puri buah jenama Happy Baby Organics milik Danone. Produk dianalisis dalam keadaan asal seperti dijual dan tidak dipanaskan sebelum ujian dijalankan.

[2]<https://www.mordorintelligence.com/industry-reports/baby-food-packaging-market>

[3]<https://www.scmp.com/news/asia/southeast-asia/article/3265411/malaysia-eats-more-plastic-every-day-108-other-countries-study-finds>